

BAB KE EMPAT

**INTISARI HADITH HADITH RIWAYAT HAFSAH (r.'a.)
DI DALAM SUNAN SITTAN DAN MUWATTA' IMAM MĀLIK.**

BAB KE EMPAT
INTISARI HADITH HADITH RIWAYAT HAFSAH (r.[']a.)
DI DALAM SUNAN SITTAH DAN MUWAPPA IMAM MALIK.

Kehidupan umat Islam sehari-hari melibatkan tiga bidang yaitu bidang akidah, ibadat dan mu'amalat. Oleh kerana hadith merupakan rujukan kedua bagi umat Islam selepas al Qur'an maka pembicaraanannya tidak lari dari tiga bidang ini. Begitu juga dengan hadith hadith riwayat Hafsa (r.[']a.) di mana empat buah hadith membincangkan perkara perkara yang berkaitan dengan hal akidah, empatbelas buah hadith membincangkan soal soal ibadat dan tujuh buah hadith membicarakan hal hal yang Mu'amalat.

Oleh kerana hadith hadith ini merangkumi pelbagai bidang maka dirasakan perlu untuk dibuat intisari kepada setiap hadith agar dapat difahami maksud yang ingin disampaikan dan dapat mengambil faedah darinya berdasarkan pembahagian diatas.

4.1. Akidah.

Sebagaimana perkataan ilmiah yang lain akidah mempunyai dua pengertian iaitu dari sudut bahasa dan istilah. Dari sudut bahasa ia berasal dari perkataan أَكَادَ yang bermaksud

terhadap, yaitu apa yang dipercayai oleh seseorang yang ada
hubungan terhadap sesuatu bahawa ia adalah benar dan betul.¹⁰¹

Manakala dari segi istilah pula ia bermaksud satu
kumpulan dari pemikiran pemikiran dasar yang dipercayai oleh
penganut penganutnya kerana ia mempunyai keterangan yang benar
terhadap alam dan kehidupan manusia. Ia terbit dari buah
fikirannya yang satu yang membawa kebaikan seperti asas asas yang
membawa kesempurnaan shari'at.¹⁰²

Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa akidah ialah satu
perbincangan mengenai perkara perkara yang berkaitan dengan:

1. Ketuhanan.¹⁰³
2. Alam Ghaib.¹⁰⁴
3. Kerasulan.¹⁰⁵

¹⁰¹ Farouk 'Ahmād Dasūki, Hasirāt Fī 'Aqīdah al Islāmiyah,
(Iskandariyah: Dār al Dā 'wah, t.t.) h. 50

¹⁰² Ibid.

¹⁰³ Sayyid Sabīq, al 'Aqā'id al Islāmiyah, (Dairūt: Dār al-
Kitāb al 'Arabi, 1964) h. 8.

¹⁰⁴ Ibid.

¹⁰⁵ Ibid.

5. Hari Kiamat. ¹⁰⁶

6. Qada dan Qadar. ¹⁰⁷

6. Mengetahui Kitab-Kitab Yang Diturunkan. ¹⁰⁸

Dari pembahasan di atas, dapatlah disimpulkan bahwa hadīth hadīth riwayat Mafṣah (r. a.) dalam persoalan akidah adalah meliputi hal-hal yang berkaitan dengan :

1. Jaminan Allāh Tentang Keselamatan Ka'bah dan juga Kebinasahan Bagi Sesiapa Yang Cuba Membinasakannya.
2. Tanda-Tanda Kiamat.
3. Balasan Shurga Dan Neraka.
4. Balasan Bagi Sesiapa Yang Menyekutukan Allāh.

Hadīth hadīth Mafṣah (r. a.) yang membincangkan soal-soal akidah ialah hadīth 1, 12, 17 dan 20.

106

Ibid.

107

Ibid.

108

Ibid.

1. Jaminan Allah Tentang Keselamatan Ka'bah Dan Jaga
Kebinaannya Bagi Sesiapa Yang Cuba Membinasakannya.

109

Hal ini dinyatakan dalam hadith 1 di mana dinyatakan bahawa Ka'bah akan tetap selamat di bawah jagaan Allah dari sebarang usaha untuk membinasakannya. Di sini juga dinyatakan bahawa mereka yang cuba membinasakannya akan dimusnahkan bila mereka tiba di Ba'ida 'seperingkat demi seperingkat. Manakala para mana yang terselamat pula berada di dalam ketakutan dan menceritakan peristiwa rgeri yang telah mereka alami.

2. Tanda tanda Kiamat.

Salah satu dari tanda tanda kiamat dinyatakan dalam hadith ke 12 ia itu kemunculan Ibn Sa'id. Hadith ini juga ada menyatakan bahawa cara kemunculan Ibn Sa'id ialah bila ada yang membangkitkan kemarahannya.

109

Sila lihat Lampiran C, h. 151

110

ibid. h. 153

3. Balasan Surga dan Neraka.

111

Hadīth ke 17 pula menerangkan tentang ganjaran yang akan diberikan oleh Allāh (s. w. t.) terhadap hamba hanzbanya yang taat dan yang engkar, di mana dijelaskan tentang balasan surga kepada para pejuang Islam yang berjuang di jalan Allāh manakala bagi mereka yang engkar terhadap agama Allāh akan dibalas dengan neraka.

4. Hukuman Bagi Sesiapa Yang Menyekutukan Allah.

Menyekutukan Allāh adalah satu dosa besar yang berbeza dengan dosa dosa lain. Oleh kerana itu hukuman terhadap mereka yang menyekutukan Allāh agak keras. Hadīth ke 20 menyatakan hukuman bagi mereka yang menyekutukan Allāh walau dengan apa cara sekalipun, contohnya melalui fikir dihukum bunuh.

112

5.3. Ibadat.

Ibadat mempunyai pengertian dari dua sudut iaitu dari sudut bahasa dan dari sudut istilah. Dari sudut bahasa ia

111

Ibid. h. 154

112

Ibid. h. 150

ceresat dari perkataan **المادة المبنية على العبد** yang
bererti taat.¹¹³

Dari sudut istilah pula ia adalah isim bagi setiap
perkara yang disukai oleh Allāh samada dari segi ucapan atau
amalah zahir dan batin.¹¹⁴

Yang dimaksudkan dengan ibadat ialah meliputi perkara
perkara seperti:

1. Sembahyang.¹¹⁵
2. Zakat.¹¹⁶
3. Puasa.¹¹⁷
4. Bersedekah.¹¹⁸
5. menunaikan Haji.¹¹⁹

¹¹³ Ibn Manzūr, Op. cit. J. iv, h. 272.

¹¹⁴ Ibn Taimiyah, 'Ubūdiyyah, J. ii (Riyadh: al Maktabah Islāmi
1380 H) h. 38.

¹¹⁵ Abū Bakr Jabir al Jazū'ir, Al 'Ilm wa 'Ulumā' (Kahīrah: Dār
al Kitāb al Salafiyyah, 1403 H) h. 41.

¹¹⁶ Ibid.

¹¹⁷ Ibid.

¹¹⁸ Ibid.

¹¹⁹ Ibid.

6. Menjaga Kebersihan. ¹²⁰

Hadīth hadīth Hafṣah (r. a) yang membicarakan perkara ibadat ialah hadīth ke 3, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 14, 15 dan 19.

Bidang perbincangan hadīth hadīth ini dalam persoalan ibadat adalah meliputi perkara perkara seperti:

1. Puasa.
2. Haji.
3. Sembahyang.

1. Puasa.

Perbincangan mengenai puasa terbahagi kepada beberapa bahagian seperti:

- a. Puasa Sunat.
- b. Hukum hukum Yang Berkaitan Dengan Puasa.
- c. Waktu Niat Puasa.

Ibadat puasa ini dibicarakan dalam hadīth ke 3, 13, 5, 8 dan 15.

a. Puasa Sunat.

Perbincangan mengenai puasa sunat diterangkan dalam Hadīth ke 3, 13, dan 15.

121

Hadīth ke 3 menerangkan tentang ibadat puasa sunat yang dilakukan oleh Rasūlullāh (s.¹ a.w.) setiap bulan ia itu selama 3 hari. Hari hari di mana Rasūlullāh (s.¹ a.w.) berpuasa ialah Hari Isnin, Khamis, dan sehari lagi dari minggu yang lain.

122

Manakala hadīth ke 13 pula menerangkan tentang hari-hari yang disuratkan berpuasa dalam masa seminggu iaitu pada Hari Isnin dan Khamis.

123

Hadīth ke 15 pula menerangkan tiga jenis puasa sunat yang digalakkan oleh Rasūlullāh (s.¹ a.w.) kepada umat Islam supaya melakukannya iaitu puasa Ashūra, puasa di hari yang ke sepuluh pada setiap bulan dan puasa tiga hari di setiap bulan.

121

Sila lihat Lajin C. n.121

122

Ibid. n. 103

123

Ibid. n. 154

b. Hukum Hukum Yang Berkaitan Dengan Puasa.

Hadīth yang membicarakan tentang hukum yang berkaitan dengan puasa ialah hadīth ke 5.

126

Hadīth ke 5 ini menerangkan tentang hukum bercium bagi orang-orang yang sedang berpuasa, samada ia membatalkan puasa atau tidak. Di sini dinyatakan bahawa ciuman tidak membatalkan puasa seseorang, sekiranya ia dapat menahan dirinya.

c. Waktu Berniat Puasa.

127

Hadīth yang membicarakan hal ini ialah hadīth ke 6.

Ia membicarakan tentang waktu yang dibolehkan untuk niat puasa, iaitu sebelum terbit Fajar. Oleh itu sesiapa yang niat selepas terbit fajar maka puasanya tidak sah.

2. Haji.

Perbincangan mengenai Haji di dalam hadīth ini adalah

berkaitan dengan:

- a. Waktu Bertahalul Bagi Haji Qiran Dan Cara-caranya.

128 Hadīth yang membandingkan peribatan ini ialah hadīth ke 6.

ia menyatakan tentang waktu bertahalul bagi Haji Qiran sama dengan waktu bertahalul bagi Haji Ifrad di mana ia disudahi dengan menyembelih binatang korban.

3. Sembahyang.

Jenis jenis sembahyang yang dibincangkan dalam hadīth-hadīth riwayat Kafsa (r.^h a.) ialah:

- a. Sembahyang Sunat Sebelum Sembahyang Fardu.
- b. Kelebihan Sembahyang Malam.
- c. Kewajipan Sembahyang Jumaat.
- d. Cara Sembahyang Bagi Mereka Yang Usur.
- e. Tuntutan Supaya Khanyuk Dan Taat Dalam Mengerjakan Sembahyang.
- f. Galakan Supaya menunaikan Sembahyang Sunat duha.

Hadīth hadīth yang membicarakan persoalan sembahyang ialah hadīth ke 7, 10, 11, 14, 15 dan 19.

a. Sembahyang Sunat Sebelum Sembahyang Fardu.

Hadīth yang membincang persoalan ini ialah hadīth ke 7.¹²⁹

ia membincangkan kebiasaan yang dilakukan oleh Nabi Mohammād (s. a. w.) sebelum sembahyang Subuh ialah melakukan sembahyang sunat dua rakaat.

b. Kelebihan Sembahyang Malam.

Hal ini diterangkan oleh hadīth yang ke 10.¹³⁰

Hadīth ini menerangkan tentang kelebihan sembahyang malam di mana ia boleh menghindarkan seseorang itu dari api neraka berdasarkan galakan yang diberikan oleh Rasūlullāh (s. a. w.) terhadap Ibn Umar supaya selalu sembahyang malam bagi menampung amalan yang telah dilakukan selama ini. Walau pun galakan ini khusus kepada Ibn Umar tetapi ia meliputi:

¹²⁹ Ibid. h. 122.

¹³⁰ Ibid. h. 155.

dan umat Islam yang lain.

c. Kewajiban Sembahyang Jumaat.

131. Hadith yang membincangkan persoalan ini ialah hadith ke

Hadith ini menerangkan tentang kewajiban sembahyang Jumaat ke atas mereka yang telah cukup umur.

d. Cara Sembahyang Bagi Mereka Yang Uzur.

132. Persoalan ini dibincangkan oleh hadith ke 14.

Toleransi Islam terhadap umatnya dapat dilihat dalam hadith ini, di mana Islam tidak memaksa umatnya melakukan sesuatu yang tidak berdaya dilakukannya di sebabkan keadaannya tidak mengizinkan. Di dalam hadith ini diterangkan keringanan yang diberikan oleh Islam kepada umatnya yang uzur ketika melakukan sembahyang di mana mereka dibolehkan sembahyang sambil duduk.

Ibid.

Ibid. 1. 120.

Kelalubagaimanapun keuzuran ini tidak menghalang
seseorang itu untuk mengimamkan sesuatu sembahyang Jamaah.

e. Tuntutan Supaya Khusyuk dan Taat Dalam Mengerjakan
Sembahyang.

Tuntutan ini diterangkan dalam hadith ke 19.¹³³

Hadith ini menerangkan tentang keikhlasan sangat penting
dalam melakukan sesuatu ibadat. Oleh kerana itu Islam menyeru
umatnya supaya melakukan sembahyang Fardu khususnya sembahyang
wusta dengan khusyuk dan taat kerana Allāh.

f. Galakan Supaya Menunaikan Sembahyang Sunat Duha.

Perbincangan tentang hal ini diterangkan dalam hadith
134

ke 19.

Hadith ini menerangkan galakan yang dibuat oleh Nabi
Muhammad (s. 'a.w.) terhadap amalan amalan Sunat, di antaranya
ialah sembahyang Duha dimana ia dilakukan selepas bersarapan

¹³³ Ibid. n. 153

¹³⁴ Ibid. n. 154

itu sebelum masuk waktu zuhur.

4.3. Mu'amalet.

ia juga mempunyai pengertian dari sudut bahasa dan istilah. Dari sudut bahasa ia adalah maddar dari perkataan

عامل , بما مل , مما مله , di mana ia berasal dari perkataan عمل , عمل yang berarti pekerjaan.

Manakala dari sudut istilah pula ia berarti hukum hukum yang berkaitan dengan amalan dan urusan manusia yang bertujuan untuk kemaslahatan duniawi serta menjalinkan perhubungan antara seseorang dengan seorang yang lain atau sesama masyarakat.¹³⁵

Yang dimaksud dengan mu'amalet ialah aktiviti aktiviti seperti:

a. Jual beli.¹³⁶

b. Gadaian.¹³⁷

c. Akhlak.¹³⁸

¹³⁵ Badran Abū al A'aini Badrān, al Shari'at al Islamiyah, (t. b. : Dār al Kutub, 1974) h. 11.

¹³⁶ Abū Bakr Jabir al Jassāsī, Op. Cit.

¹³⁷ Ibid.

¹³⁸ Ibid.

- d. Jinayat. ¹³⁹
- e. Politik. ¹⁴⁰
- f. Persyarikatan. ¹⁴¹
- g. Riba. ¹⁴²
- h. Talak. ¹⁴³
- i. Rujuk. ¹⁴⁴
- j. Zakat. ¹⁴⁵
- k. Pakaian. ¹⁴⁶
- l. Minuman dan Makanan yang dihalal dan diharamkan. ¹⁴⁷
- m. Pusaka dan lain lain. ^{148.}

Hadīth hadīth Hafsah (r.a.) yang membincangkan soal mu'amat ialah hadīth ke 2, 4, 9, 11, 13, 16, 18 dan 20.

139
Ibid.

140
Ibid.

141
Ibid.

142
Ibid.

143
Ibid.

144
Ibid.

145
Ibid.

146
Ibid.

147
Ibid.

148
Ibid.

Persoalan yang dibincangkan oleh hadith hadith ini adalah meliputi persoalan:

1. Akhlak.
2. Hukum.
3. Munakahat.

1. Akhlak.

Persoalan mengenai akhlak dibincangkan dalam hadith hadith ke 2, 4 dan 13. Ia meliputi pertincangan mengenai hal hal yang berkaitan dengan:

- a. Adab Penggunaan Tangan.
- b. Adab Tidur.
- c. Doa Sebelum Tidur.

- a. Adab Penggunaan Tangan.

Rasūlullāh mempunyai akhlak yang baik dan mempunyai peraturan dalam makan dan minum, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadith ke 2, di mana baginda mengkhuauskan tangan kanan untuk makan dan minum serta memakai pakaiannya, manakala tangan kiri digunakan untuk perkara perkara selain dari itu.

b. Adab Tidur.

Persoalan ini dibincangkan oleh ¹⁵⁰ hadīth ke 4 dan ke ¹⁵¹ 13.

Kedua dua hadīth ini menonjolkan teladan yang baik dari Rasūlullāh (s. a.w.) tentang cara tidur iaitu dengan mengiring dan meletakkan tangan kanan ke pipi kanan.

c. Doa Sebelum Masuk Tidur.

Perbicaraan mengenainya juga dibentangkan dalam hadīth ke 13.

Sebagai umat yang lemah seharusnya seseorang itu selalu mengingat Penjadinya Yang Maha Kuasa pada setiap masa dan memohon perlindungan darinya dari azab. Hadīth ke 13 ini menerangkan salah satu doa untuk memohon perlindungan dari Allāh di hari kebangkitan kelak yang dibaca oleh Nabi (s. a.w.) sebelum tidur.

Ibid.

Ibid. 152

2. Hukum.

Perbicaraan mengenai hukum terdapat dalam hadīth ke 9, 11 dan 20. Ia berkisar mengenai perkara perkara seperti:

- a. Membunuh Binatang binatang Merbahaya.
- b. Perkara Yang Sunat Dilakukan Oleh Mereka Yang Ingin Mengerjakan Sembahyang Jumaat.
- c. Memerdekakan Hamba.

- a. Membunuh Binatang binatang Merbahaya.

152

Ia dibincangkan di dalam hadīth ke 19, di mana diterangkan bahawa Islam tidak melarang pembunuhan 5 jenis binatang yang dianggap merbahaya iaitu helang, tikus, gagak, anjing yang merbahaya dan kala jengking. Ini menunjukkan bahawa Islam sentiasa menjaga kemaslahatan umatnya.

- b. Perkara Yang Sunat Dilakukan Oleh Mereka Yang Akan Mengerjakan Sembahyang Jumaat.

Islam menggalakkan umatnya banyak melakukan perkara-perkara sunat di samping amalan yang telah diwajibkan. Dalam

hadith ke 11 dinyatakan salah satu amalan sunat tersebut iaitu bagi mereka yang akan mengerjakan sembahyang Jumaat, Islam mengarahkan mereka supaya mandi terlebih dahulu. Mandi ini dikenali dengan Mandi Sunat Hari Jumaat, di mana ia bertujuan untuk memberi keselesaan kepada umat Islam dalam menghadiri perhimpunan di hari Jumaat, di samping menemui Allah dalam keadaan bersih.

c. Memerdekakan Hamba.

Hukum ini diterangkan dalam hadith ke 20.¹⁵⁴

Islam tidak menggalakkan perhambaan dikalangan umatnya, walaubagaimanapun Islam tidaklah mengharamkannya. Oleh itu umat Islam digalakkan supaya memerdekakan hamba. Terdapat banyak cara dalam memerdekakan hamba, salah satu daripadanya seperti yang terdapat dalam hadith ke 20 iaitu dengan cara malabbar, iaitu memerdekakan hamba hamba setelah kematiannya.

Ibid. h. 153

Ibid. h. 154

c. Munakahat.

Hadīth hadīth yang membicarakan persoalan ini ialah hadīth ke 16 dan 18.

Perbincangan perbincangan mengenainya adalah meliputi persoalan seperti:

- a. Waktu berkabung bagi seseorang wanita.
- b. Talak.

- a. Waktu Berkabung Bagi Seseorang Wanita.

Persoalan ini dibicarakan dalam hadīth ke 16.¹⁵⁵

Walaupun Islam melarang meratap ratap dan berteriak-teriak di atas sesuatu kematian, tetapi Islam tidak menghalang seseorang itu dari berkabung di atas sesuatu kematian.

Kalau bagaimanapun Islam telah menetapkan masa tertentu bagi perkabungan ini, sebagaimana yang diterangkan dalam hadīth ini di mana waktu berkabung bagi seseorang wanita yang kematian seseorang yang selain dari suaminya ialah selama 3 hari.

b. Talak.

Hadīth yang membicarakan persoalan ini ialah hadīth ke 18.¹⁵⁶

Perbincangan mengenai talak menyentuh persoalan:

- a. Kuasa Talak Di tangan Suami.
- b. Talak Sebanyak Tiga Kali Menyebabkan Perpisahan Tanpa Rujuk.

a. Kuasa Talak Di tangan Suami.

Hadīth ke 18 ini menjelaskan bagi seseorang wanita yang berkahwin, kuasa talak berada di tangan suaminya. Ia juga menerangkan tentang bilangan talak, di mana talak mempunyai bilangan yang terhad ia itu sebanyak tiga kali. Sekiranya seseorang suami itu telah melafazkan talak kepada isterinya sebanyak tiga kali maka terpisahlah kedua-duanya tanpa boleh dirujuk kembali kecuali dengan syarat-syarat tertentu.